

24 AUG 2001

YANG DIPERTUAN AGONG HADIRI MAJLIS TAHLIL SEMPENA MERDEKA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menghadiri majlis tahlil sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-44 selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara di sini hari ini.

Seri Paduka diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta beberapa menteri beragama Islam.

Orang ramai kelihatan beratur untuk bersalaman dengan Sultan Salahuddin dan Dr Mahathir selepas majlis itu.

Khutbah Jumaat yang disampaikan turut menyentuh pentingnya semua warganegara bersama mempertahankan kemerdekaan tanahair, termasuk mengelakkan daripada dijajah semula daripada segi ekonomi dan minda.

Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini.

-- BERNAMA.

MAM HK ZB